



SERAMAI 15 ahli kumpulan Duta Jauhar Universiti Sains Islam Malaysia yang menjayakan program khidmat komuniti bersama masyarakat Orang Asli Segamat Kecil, dekat Labis, Johor, baru-baru ini.

Duta Jauhar USIM tabur bakti untuk masyarakat Orang Asli

SEREMBAN 13 Okt. - Seramai 15 ahli kumpulan Duta Jauhar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terlibat dalam khidmat komuniti bersama masyarakat Orang Asli Segamat Kecil, dekat Labis, Johor, selama tiga hari bermula 2 Oktober lalu.

Program Development Education of Orang Asli (DE'Asli) dan Kembara Bahasa itu yang bertemakan Parallax Your Eyes turut mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Pelajaran Johor.

Objektif penganjurannya adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Orang Asli terhadap pentingnya pembelajaran kepada anak mereka selain memberi motivasi dan menaikkan semangat untuk bersaing dengan mesyarakat bandar.

Selain itu, kumpulan Duta Jauhar USIM turut membantu anak-anak Orang Asli daripada segi pendidikan dengan membangunkan modul Fun Learning iaitu kaedah pembelajaran pelbagai dengan

lebih santai, lebih menarik serta penuh pengetahuan antaranya permainan matematik, kelas Bahasa Arab, home tutor serta mengadakan sudut pembelajaran.

Ketua Duta Jauhar 2.0 USIM, Muhammad Asyraf Amran berkata, DE'Asli merupakan satu projek menaiktaraf pendidikan Orang Asli dengan menggunakan modul Enjoy Fun Learning (EFL).

Katanya, modul itu mengajar mereka cara-cara belajar dengan lebih kreatif dan efektif yang dijalankan secara berkala daripada semasa ke semasa bermula pada bulan Julai hingga November 2015.

"Bagi program kali ini, kumpulan Duta Jauhar USIM membuat jalinan kerjasama jangka panjang bersama pihak-pihak luar dan agensi-agensi kerajaan antara bersama DBP dalam menerbitkan sebuah buku mengenai adat resam masyarakat kaum Jakun.

"Begitu juga kerjasama bersama Yayasan Daerah Segamat dalam

mewujudkan pelaksana khusus iaitu sukarelawan-sukarelawan yang akan memastikan kelangsungan projek ini dalam membangunkan pendidikan masyarakat Orang Asli khususnya di Kampung Orang Asli Segamat Kecil," katanya selepas majlis perasmian program berkenaan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tenang, Azahar Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Profesor Datuk Dr. Mustafa Mohd.

Para tetamu majlis itu telah dibawa melawat Rumah Tok Antah iaitu sebuah rumah adat Orang Asli yang dibina secara gotong-royong oleh masyarakat Orang Asli di kampung tersebut bagi mempamerkan keunikan seni bina dan peralatan hasil kerja tangan mereka.

Turut diadakan ialah demonstrasi adat Orang Asli iaitu Adat Tangkap Basah dan Adat Cucur Langi.